

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

Bingung adik dibuang sekolah

Ayah tak ambil peduli masalah dihadapi keluarga

? Saya ingin berkongsi masalah yang dihadapi sahabat saya. Baru-baru ini dia menceritakan masalah berkaitan keluarganya. Sahabat saya mempunyai enam adik-beradik dan dia anak sulung.

Sahabat saya menceritakan, sejak kebelakangan ini salah seorang adik lelakinya berkelakuan pelik dan membuat masalah di sekolah. Adik lelakinya dibuang sekolah kerana menghisap rokok dan berita adiknya dibuang sekolah itu diberitahu ibunya.

Ketika itu sahabat saya berada di universiti. Ibu sahabat saya menelefonnya kerana tidak tahu hendak mengadu kepada siapa lagi. Masalah ini menyebabkan sahabat saya rasa tertekan dan tidak tenang untuk belajar. Dia juga semakin tertekan kerana bapanya tidak mengambil berat masalah ini.

Ayahnya hanya menyalahkan ibunya atas apa yang berlaku dan tidak mengambil berat atau tindakan untuk mengatasi masalah berkenaan. Sahabat saya semakin buntu dan tertekan.

SAHABAT PRIHATIN
Melaka

! Terima kasih Dr ucapkan kepada adik. Adik seorang sahabat yang baik kerana cuba untuk membantu rakan yang da-



lam kesusahan. Memang betul kata adik, apabila seseorang itu di dalam kesusahan, amat susah untuk dia berfikir dan menyelesaikan masalahnya. Adik sebagai pihak ketiga yang mampu untuk menilai situasi dapat meringankan beban dengan memberikan pandangan dan cadangan kepada rakan adik.

Pada pandangan Dr, tanggungjawab sebagai anak sulung memang berat kerana dialah umpama kaki kedua dalam keluarga selepas ibu dan ayah. Adik kepada rakan mula berkelakuan pelik, kemungkinan disebabkan perkara yang mempengaruhinya.

Meniti zaman remaja memang penuh dugaan. Jadi, sebagai anak sulung, perlulah untuk mengambil berat dan mengambil tahu keadaan di rumah dan aktiviti yang dilakukannya di luar rumah.

Kawan adik perlu untuk menunjukkan sikap lebih prihatin kepada adiknya. Selain itu, remaja di tahap sekolah menengah memang perlukan perhatian daripada orang tua dan ahli keluarga. Jika perkara ini tidak diperolehi, maka dia akan mencarinya di luar iaitu dengan rakan-rakan yang ditemui.

Di sini amat membimbangkan jika dia bertemu dengan orang yang salah. Sebagai anak sulung juga, kawan adik itu perlu untuk menenangkan perasaan ibunya kerana sifat bimbang itu adalah naluri ibu.

Berikan kata-kata semangat dan cuba mencari resolusi terbaik terhadap masalah adiknya yang dibuang sekolah itu. Jangan menyalahkannya, tapi dekati dan cuba untuk menjadi orang yang dipercayai supaya lambat-laun, adik kepada kawan itu akan berkongsi masalah yang terjadi di sekolah.

Sebagai sahabat baik, adik berikan kata-kata positif kerana itu adalah dugaan untuknya. Setiap insan ada masalah tersendiri dan setiap masalah itu akan mematangkan diri.

Putus cinta kerana insaf

? Saya baru saja melangkah ke alam pekerjaan dan berusia 19 tahun. Saya mempunyai teman lelaki, seorang penjawat awam. Akhirnya ini saya musykil dengan perubahan yang ditunjukkan teman lelaki sejak dia dinaikkan pangkat.

Saya dan teman lelaki pernah terjebak dalam perhubungan terlarang dan saya mendesaknya untuk bertanggungjawab tapi dia memberikan pelbagai alasan.

Dia meminta saya menunggu beberapa tahun untuk bersedia. Saya sangat bimbang kerana gusar kami tewas lagi.

Atas sebab tidak ingin perkara sama berulang lagi, saya mengambil keputusan

untuk memutuskan hubungan dengannya. Untuk pengetahuan Dr, saya adalah seorang yang mengamalkan ajaran Islam dan beribadat. Entah mengapa tahap keimanan saya amat merudum saat itu dan menyebabkan saya begitu kesal dengan apa yang terjadi.

Adakah tindakan saya betul kerana meninggalkan dia atas sebab tidak mahu terbabat dan terjebak lagi dalam maksiat? Jujur saya berharap dia bertanggungjawab, tapi dia semakin menjauhi saya.

Saya berfikir patut mengorak langkah dulu sebelum sesuatu yang lebih teruk berlaku. Keputusan untuk memutuskan hubungan tidak dilayan olehnya. Saya ti-

dak menghubunginya lagi. Adakah keputusan saya meninggalkan dia adalah tepat?

MAWAR HITAM
Sabah

! Terima kasih di atas perkongsian masalah itu. Melihat apa yang terjadi kepada saudari adalah amat menyedihkan dan menjadi memori hitam di dalam lipatan kenangan. Namun apa yang terjadi sudahpun terjadi dan saudari perlu pandang ke depan tanpa melihat kembali titik hitam itu.

Pertamanya, adik perlu solat taubat memohon ampunan dan kembali kepada Allah kerana apa yang adik lakukan

itu adalah satu dosa besar. Pengampunan daripada Allah adalah sesuatu yang penting walaupun saudari sudah meninggalkan perkara itu. Selepas itu, berazamlah untuk tidak melakukannya lagi.

Andainya kembalinya kepada lelaki itu menyebabkan saudari akan terjebak kepada hubungan terlarang, Dr sarankan supaya tinggalkanlah dia. Saudari juga ada peluang untuk menjadi seorang yang lebih baik di sisi Allah. Jika lelaki itu mahu bertanggungjawab, itu adalah amat baik. Namun seperti yang dinyatakan, dia tampak tidak bertanggungjawab atas apa yang berlaku.